

AINA SDN BHD

DISEDIAKAN UNTUK:
ENCIK ABD RAZAK MD JAIS
TUTOR ETR 300



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: **26hb. Januari 1996** Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Surat Tuan: Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Surat Kami: **100-CM(AKA 30/7B)** Telefax: 06-563963

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Institut Teknologi MARA, Melaka dan sedang mengikuti Kursus Diploma Perakaunan. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan bagi memenuhi syarat matapelajaran mereka.


<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. K/P ITM</u>
1.	Khairul Nazri Mohd Ali	93799213
2.	Azlina Abd Aziz	93805759
3.	Aeimelia Kalsom Mohd Khalid	93764140
4.	Siti Mahfuza Abu Bakar	93650236

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar


ABD RAZAK MD JAIS.
Ketua Kursus DIA
ITM Melaka.
b/p Pengetua

**SURAT PENYERAHAN**

Pelajar-pelajar Keusahawanan
Kajian Perakaunan
Bahagian 5
Institut Teknologi MARA
Cawangan Melaka
78000 Jalan Lendu
Alor Gajah
Melaka

10 April 1996

Kepada

Encik Abd Razak Md Jais
Pensyarah Asas Keusahawanan
Institut Teknologi Mara
Cawangan Melaka
78000 Jalan Lendu
Melaka

Tuan,

Laporan Rancangan Perniagaan

Untuk maklumat Tuan, kami pelajar Diploma Perakaunan bahagian 5 telah menjalankan kajian teliti dan berjaya menyiapkan satu laporan rancangan perniagaan.

Bersama-sama ini kami sertakan laporan Rancangan Perniagaan tersebut yang beroperasi dalam bidang perusahaan membuat beraneka jenis biskut. Laporan Rancangan Perniagaan ini yang berbentuk kertas kerja yang dilakarkan mengikut prosedur serta arahan tatacara sebagaimana yang telah ditetapkan.



Kami memilih untuk menyiapkan Laporan Rancangan Perniagaan ini kerana memandangkan peluang untuk berkembang bagi perniagaan pembuatan biskut ini agak cerah serta permintaan dan prospek yang amat menggalakkan.

Dengan penyerahan laporan ini kami berharap pihak Tuan dapat memanfaatkan segala maklumat berkaitan dan kami juga bersedia membantu sekiranya terdapat maklumat tambahan diperlukan.

Sekian, terimakasih.

.....
(Khairul Nazri Mohd Ali)

.....
(Azlina Abd Aziz)

.....
(Aeimelia Kalsom Mohd Khalid)

.....
(Siti Mahfuza Abu Bakar)



1.0 PENGENALAN

Untuk mencapai matlamat kerajaan menerusi wawasan 2020. Kami telah menubuhkan AINI sdn Bhd untuk menikmati segala pertumbuhan pesat. Tujuan kami menubuhkan AINA Sdn Bhd adalah untuk memenuhi impian dan hasrat kerajaan untuk melihat kaum bumiputra maju dalam bidang perniagaan.

AINA Sdn Bhd ditubuhkan oleh 4 orang rakan kongsi yang menyumbangkan modal sebanyak 25% tiap seorang. AINA Sdn Bhd adalah syarikat perkilangan yang mengeluarkan produk beraneka jenis biskut. Selain daripada pembuatan biskut, kami juga mengedarkan produk kami dalam kawasan 30 KM dari kilang dan kami menggunakan perkhidmatan pemborong untuk mengedarkan disamping untuk mempromosi barangan kami kepada peruncit.

Setiap barangan kami yang dihasilkan adalah dijamin mutu dan kebersihannya oleh seorang pengawal mutu yang sentiasa bertugas memastikan keberkesanan dan kecekapan pekerja-pekerja. AINA Sdn Bhd memegang kepada prinsip cekap dan bertanggungjawab jadi, daripada pihak pengurusan hingga ke pekerja pengeluaran adalah bertanggungjawab memastikan perjalanan kilang sempurna dan berusaha mencapai keuntungan semaksima mungkin disamping menaikkan imej syarikat serta cekap dan efisien dalam melakukan atau melaksanakan tanggungjawab yang telah di amanahkan.